Publication: Berita Harian, p 03

Date: 28 November 2018

Headline: DPM Tharman: Individuals, various parties need to work together to help the needy

DPM Tharman: perlu bersama

Lancar buku rakam projek bantuan kolektif bantu keluarga flat sewa

ERVINA MOHD JAMIL

ervinamj@sph.com.sg

KERJASAMA antara pelbagai pihak untuk membantu keluarga dan individu yang menghadapi kesusahan serta tanggungjawab peribadi harus wujud bersama, kata Timbalan Perdana Menteri Tharman Shanmugaratnam.

Ini kerana bagaimana mereka bekerjasama serta mendekati individu dan keluarga itu akan menentukan sama ada mereka mampu bertanggungjawab bagi kehidupan mereka sendiri, membina keyakinan diri dan mencapai kejayaan masing-masing dengan cara yang dapat memelihara maruah mereka.

"Ini bukan sahaja tentang usaha sama untuk menawarkan sokongan kewangan... namun ia juga tentang membina hubungan, memupuk rasa saling percaya dan bekerjasama dengan keluarga yang menghadapi kesusahan sedang mereka cuba mengatasinya," kata Encik Tharman, yang juga Menteri Penyelaras bagi Dasar Ekonomi dan Sosial.

Beliau berkata demikian semasa berucap di majlis pelancaran buku How Working Together Matters: Adversity, Aspiration, Action di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) semalam.

Buku itu merakamkan satu projek berbilang tahun yang telah membantu lebih 1,180 keluarga yang tinggal di flat sewa, yang dikenali sebagai Projek 4650.

Projek 4650 merupakan projek yang melibatkan pelbagai agensi pemerintah dan masyarakat.

Ini termasuk Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) South East, Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), Yayasan Mendaki, Pave di Siglap dan Tenaga Kerja Singapura (WSG), yang bekerjasama bagi menyediakan bantuan menyeluruh untuk membantu keluarga yang tinggal di flat sewa buat sementara di Blok 46 dan Blok 50 di

Bedok South di bawah skim Perumahan Sewa Sementara (IRH).

Projek tersebut diketuai oleh Menteri Negara Kanan (Pertahanan merangkap Ehwal Luar), Dr Mohamad Maliki Osman, yang juga Mayor CDC South East.

Sementara pemerintah mempunyai strategi bagi memastikan mobiliti sosial, mengurangkan ketidaksamaan serta membantu warga mengatasi kesukaran yang dihadapi, Encik Tharman berkata adalah penting untuk terus menggalak warga turut berusaha sendiri.

Ini termasuk berusaha untuk mencapai yang terbaik dalam bidang pendidikan, mendapat pekerjaan dan bekerja serta memiliki rumah sendiri.

Inilah yang akan memberi seseorang rasa bangga dan bermaruah, hasil meraih kejayaan sendiri, kata Encik Tharman.

Rasa tanggungjawab peribadi ini juga akan memupuk rasa saling percaya dalam masyarakat, dengan setiap individu menyedari layak dibantu kerana mereka bukan sahaja menerima bantuan tetapi turut berusaha membantu diri sendiri.

Beliau turut menarik perhatian pentingnya rasa empati dan memahami keadaan individu yang dibantu bagi meraih kepercayaan mereka.

Dengan cara ini, mereka dapat dibimbing dengan lebih berkesan untuk membuat keputusan demi kebaikan sendiri, baik dalam bidang pekerjaan, perbelanjaan keluarga mahupun soal anak-anak.

Dalam membantu individu itu juga, Encik Tharman berkata adalah penting untuk meringankan tekanan mereka dengan mengurangkan masa dan usaha yang diperlukan untuk mendapatkan bantuan daripada skim pemerintah.

"Inilah hala tuju kami. Contohnya, Pejabat Khidmat Sosial (SSO) menghubungkan sistem mereka dengan hospital supaya dapat menghasilkan satu penilaian bagi

Publication: Berita Harian, p 03

Date: 28 November 2018

Headline: DPM Tharman: Individuals, various parties need to work together to help the needy

Individu, pelbagai pihak tangani golongan susah



PELANCARAN BUKU: (Dari kiri) Dr Maliki; Encik Tharman: Profesor Chan dan Pengarah Eksekutif Pusat Menggalak Langkah Alternatif terhadap Keganasan (Pave), Dr Sudha Nair, semasa majlis pelancaran buku "How Working Together Matters: Adversity, Aspiration, Action' di SMU. - Foto BH oleh DESMOND F00

keperluan seseorang individu, tidak perlu untuk beliau menjalani dua pusingan penilaian kewangan," ujar-

Encik Tharman juga berkata, buku yang disunting oleh profesor pengarah Institut Sains Tingkah Laku SMU, Profesor David Chan, itu penting kerana pengalaman yang dirakam dapat dipelajari pihak lain sedang mereka meneruskan usaha membantu golongan yang menghadapi kesukaran bangkit semula.

Perdana Menteri Lee Hsien Loong yang menulis prakata buku tersebut berkata, Projek 4650 menghasilkan satu model kerjasama kolektif yang boleh dicontohi projek sosial yang lain.

sosial yang lain.
Semasa berucap di majlis semalam, Dr Maliki berkata buku tersebut memaparkan analisis kritikal tentang erti bekerjasama.

"Buku ini adalah hasil kerja keras selama beberapa tahun oleh ramai pihak yang mempunyai visi yang sama... iaitu membantu warga Singapura yang menghadapi masalah memenuhi aspirasi mereka menerusi kerjasama kolektif," ujarnya.